



## **Siaran Akhbar Diembargo Hingga**

6.00ptg, Sabtu, 9 September 2017

### **BULAN BAHASA MERAIKAN TRADISI ABADI DI TAMAN WARISAN MELAYU**

**9 September 2017** – *Bulan Bahasa* 2017 telah dilancarkan di Taman Warisan Melayu di Kampong Gelam pada hari Sabtu, 9 September 2017.

Dari 15 Ogos hingga 15 Oktober, Bulan Bahasa akan menyajikan pelbagai aktiviti dan acara yang akan memaparkan keindahan bahasa Melayu pada masa yang sama, mengekalkan aspek-aspek yang sangat bernilai, iaitu aspek Ilmu, Budaya dan Mesra.

#### **Acara Sehari di Taman Warisan Melayu**

Dikenali sebagai Istana Kampong Gelam pada suatu ketika dahulu, Taman Warisan Melayu terdapat artefak dan pameran yang simbolik bagi masyarakat Melayu. Naratif di galerinya juga mencatatkan detik-detik penting dalam sejarah yang telah mempengaruhi dan membentuk masyarakat Melayu di Singapura.

Hari ini, para pengunjung dapat menikmati aktiviti-aktiviti budaya dan bahasa Melayu di dalam galeri muzium, dalam perkarangannya dan di jalan-jalan berdekatan Bussorah Mall. Terdapat juga program-program yang disampaikan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, untuk melibatkan pengunjung pelbagai kaum supaya mereka juga dapat menikmati bahasa, budaya dan warisan Melayu.

Dalam majlis pelancaran, Cik Rahayu Mahzam, Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa, berterima kasih kepada rakan kerjasama, pihak-pihak yang menyumbang dana dan penaja atas sokongan mereka yang berterusan terhadap acara tahunan ini. Cik Rahayu juga mengambil kesempatan ini untuk menekankan pentingnya melestarikan bahasa dan budaya Melayu untuk memastikan pusaka, cerita dan nilai masyarakat akan berkekalan. “Keindahan bahasa dan budaya Melayu harus dikongsi, terutamanya dengan anak muda kita, untuk memastikan bahasa dan budaya berterusan dan kekal abadi,” kata Cik Rahayu Mahzam.

#### **Acara Unggul Bulan Bahasa di Kawasan Perumahan**

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa juga akan diadakan di kawasan perumahan Tampines dan Nee Soon, dan juga dianjurkan oleh Keat Hong untuk Chua Chu Kang, Bukit Batok East untuk Jurong dan Woodlands untuk Sembawang. Tarikh dan tempat untuk perayaan-perayaan ini ialah:

- 10 September – Hab Tampines Kita
- 16 September – Kelab Masyarakat Woodlands
- 16 September – Pusat Beli-belah Northpoint
- 17 September – Kelab Masyarakat Bukit Batok East



- 23 September – Kelab Masyarakat Keat Hong

Untuk mendapatkan butiran program-program Bulan Bahasa yang lengkap, sila lungsur laman Majlis Bahasa Melayu Singapura di <https://mbms.sg> dan muat turun kalendar acara Bulan Bahasa 2017, atau ikuti Facebook Majlis Bahasa untuk maklumat terkini di [fb.com/majlisbahasa](https://fb.com/majlisbahasa).

~\*~

### **Tentang *Bulan Bahasa* oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura**

Sejak 1988, Majlis Bahasa Melayu Singapura telah menganjurkan Bulan Bahasa untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2011, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan yang terus mendapat sokongan masyarakat. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk memupuk keyakinan diri dan kemahiran bahasa Melayu serta melestarikan budaya dan warisan Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai Majlis Bahasa Melayu Singapura, dan Bulan Bahasa, sila lungsur [mbms.sg](https://mbms.sg) dan [facebook.com/majlisbahasa](https://facebook.com/majlisbahasa).



### **Maklumat yang tidak diembargo**

#### **Program-program untuk Hari Pelancaran Bulan Bahasa 2017, Sabtu, 9 September 2017**

*Semua program percuma kecuali ditandakan.*

#### **Legenda dan Hikayat Bersama Nek Selampit Serta Iringan Muzik Gamelan oleh Majlis Pembangunan Buku Negara Singapura (NBDCS), bersama BronzAge Gamelan**

Dengar pencerita dan Duta Bahasa yang baru dilantik, Puan Jumaini Ariff, bercerita tentang kisah-kisah legenda dan dongeng dengan cara penyampaian yang menyeronokkan dan interaktif, diiringi persembahan gamelan oleh BronzAge Gamelan. Penonton juga boleh mendekati dan beramah mesra dengan pemain-pemain gamelan selepas persembahan tersebut.

**Masa:** 11.00pg

**Tempat:** Galeri Tetap di Taman Warisan Melayu

#### **Pementasan Drama Hikayat Malim Dewa oleh Teatro**

Ikuti Teatro bagi pementasan Hikayat Malim Dewa, sebuah cerita dongeng klasik berdasarkan kisah Malim Dewa, seorang anak muda yang bijak dan mengagumkan yang pernah memerintah Bandar Muar termasuk anak kepada Tuan Puteri Lindungan Bulan.

**Masa:** 3.00ptg

**Tempat:** Auditorium di Taman Warisan Melayu

#### **Juara Si Cilik oleh Nusantara World Music**

Saksikan persembahan-persembahan kreatif yang mengetengahkan lagi-lagu tradisional Melayu oleh kanak-kanak semasa pertandingan nyanyian kanak-kanak, Juara Si Cilik.

**Masa:** 3.00ptg

**Tempat:** Auditorium di Taman Warisan Melayu

#### **Jejak Warisan Makanan, Ilmu dan Bahasa di Mamanda oleh Restoran Mamanda**

Program ini sesuai untuk semua penggemar makanan yang berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut bahan-bahan, hidangan, perkakas dan cara-cara yang digunakan untuk menyiapkan makanan Melayu.

**Masa:** Program ini diadakan pada 11.00pg dan 5.00ptg

**Tempat:** Restoran Mamanda. Pendaftaran diperlukan, bayaran \$10 untuk setiap peserta

#### **Diariku oleh Sriwana**

Sertai Pak Man, yang akan membawa peserta kembali ke zaman dahulu. Pak Man akan mengenalkan peserta dengan jalan-jalan di Kampong Gelam dan mengongsikan pelbagai pekerjaan yang dilakukan oleh rakan-rakannya. Pak Man juga akan menerangkan pakaian yang melambangkan masyarakat-masyarakat yang berlainan yang mendiami Kampong Gelam.

**Masa:** 2.00ptg

**Tempat:** Bussorah Street, Kampong Gelam



### **Tarian Piring oleh Era Dance**

Mari saksikan tarian tradisional Melayu, “Tarian Piring”, dipersembahkan oleh Era Dance di Bussorah Street. Ketahui tentang tarian ini sambil mencuba gerakan tarian ini.

**Masa:** 3.00ptg

**Tempat:** Bussorah Street, Kampong Gelam.

### **Reruai Kegiatan oleh Rakan-rakan Kerjasama Masyarakat**

Terokai reruai kegiatan yang dibentangkan oleh beberapa rakan kerjasama masyarakat. Mari hasilkan batik bersama-sama dengan HazWorkZ Design, mereka kraftangan yang mendapat inspirasi daripada artefak-artefak yang dipaparkan di muzium bersama Taman Warisan Melayu. Cabar rakan-rakan anda dalam permainan papan kelolaan bersama Nadim Games LLP dan ketahui lebih tentang silat daripada Perguruan Silat Seni Gayong Singapura.

**Masa:** Program ini bermula 11.00pagi dan berlangsung sepanjang hari

**Tempat:** Courtyard 1, Taman Warisan Melayu

### **Reruai Kegiatan oleh Sekolah-sekolah**

Uji pengetahuan anda mengenai bahasa, budaya dan warisan Melayu dengan turut serta dalam permainan-permainan di gerai yang dikendalikan oleh sekolah-sekolah dari Sekolah Rendah Admiralty, Sekolah Menengah Orchid Park dan Sekolah Menengah Yusof Ishak.

**Masa:** Program ini bermula 11.00pagi dan berlangsung sepanjang hari

**Venue:** Courtyard 1, Taman Warisan Melayu

### **Jelajah Muzium Bersama Rakan Bahasa**

Mari bersama para pelajar yang dilantik sebagai Rakan Bahasa yang akan bercerita tentang artefak-artefak yang terdapat di dalam muzium. Rakan-rakan Bahasa akan mengendalikan program ini dalam bahasa Melayu dengan versi bahasa Inggeris tersedia untuk pengunjung lain.

**Masa:** Program ini bermula 11.00pagi dan berlangsung sepanjang hari

**Tempat:** Galeri Tetap di Taman Warisan Melayu